

29/07/2000

Bekas tebusan hargai perhatian PM

KOTA KINABALU, Jumaat - Semua enam tebusan Malaysia yang dibebaskan kumpulan Abu Sayyaf dari tempat persembunyian di hutan Jolo baru-baru ini, berterima kasih kepada kerajaan kerana berusaha membebaskan mereka dan membantu keluarga ketika ditahan.

Jurucakap mangsa tebusan, Francis Masangkim ketika ditemui di tempat penginapan di Hotel Karamunsing di sini, hari ini berkata usaha kerajaan membebaskan mereka termasuk keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menemui mereka dan keluarga di Kota Kinabalu amat disanjung.

"Kami bersyukur kerana berjaya dibebaskan dan yang menggembirakan kami sekeluarga termasuk keluarga mangsa yang belum dibebaskan ialah kesanggupan Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk bertemu dan mendengar pengalaman kami ditahan amat disanjung," katanya.

Beliau yang juga Ranjer Jabatan Hidupan Liar Sabah turut mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, kerajaan Sabah, majikan dan penduduk Malaysia kerana berusaha membebaskan mereka.

Semalam, Francis bersama tebusan lain yang dibebaskan, Lee Hock Leong, Baln Krishnan Nair, Zulkarnain Hashim, Vincent Kong dan Abdul Jawah Salawat bersama keluarga masing-masing berpeluang bertemu Perdana Menteri ketika majlis Makan Malam Bersama Rakyat di Hotel Magellan Sutera, di sini.

Mengenai pertemuan dengan Perdana Menteri semalam, Baln berkata, peluang bertemu Perdana Menteri hanya sekali saja seumur hidup.

Sementara itu, Lee meminta selain tiga warga Malaysia dibebaskan, dua warga Filipina yang bekerja di Malaysia bersama mereka iaitu Roland Ullah @ Rambo dan Louvesia Dablo, turut dibebaskan.

Pandangan sama turut disuarakan Vincent yang turut meminta kerajaan Malaysia berusaha membebaskan dua warga Filipina yang bekerja di Malaysia selain tiga rakan lain yang masih ditahan di hutan Jolo.

(END)